

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD

UNDANG-UNDANG KECIL ASAL	PINDAAN UNDANG-UNDANG KECIL
Tafsiran 2. Di dalam undang-undang kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain: — Tiada. Tiada. Kelayakan menjadi anggota 11. (1) Keanggotaan Koperasi ini terbuka kepada pekerja-pekerja dan bekas pekerja-pekerja syarikat berikut: (a) The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad; (b) Sistem Televisyen Malaysia Berhad; (c) Natseven Sdn. Bhd;	Tafsiran 2. Di dalam undang-undang kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:-- “keluarga” ertinya keluarga terdekat termasuk ibu, bapa, pasangan suami isteri dan anak-anak yang bekerja atau mempunyai sumber pendapatan tetap. “Rakan Perniagaan” adalah rakan niaga yang berurusan dengan syarikat-syarikat. Kelayakan menjadi anggota 11.(1) Keanggotaan Koperasi ini terbuka kepada pekerja-pekerja dan bekas pekerja-pekerja syarikat berikut: (a) Syarikat dan bekas syarikat Kumpulan Media Prima Berhad; (b) Syarikat dan bekas syarikat Kumpulan The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad; (c) Koperasi New Straits Times Press (Malaysia) Berhad; dan

Didaftarkan pada hari ini 15 April 2011 haribulan tahun


 (DATUK H.J. MD. YUSOF BIN SA'UDIN)
 Pengerusi Eksekutif
 Suruhanjaya Koperasi Malaysia

UNDANG-UNDANG KECIL ASAL	PINDAAN UNDANG-UNDANG KECIL
(d) Primeworks Sdn Bhd; (e) Berita Publishing Sdn. Bhd; (f) CIMB Aviva Assurance Berhad; (g) CIMB Aviva Takaful Berhad; (h) Allianz General Insurance Company (M) Berhad; (i) Channel 9; (j) Hot FM; (k) Anak-anak Syarikat Media Prima Berhad ; dan (l) Pekerja-pekerja Koperasi. (2) Pesara-pesara wajib yang menamatkan perkhidmatannya dengan syarikat-syarikat menurut fasal (1) Undang-undang Kecil ini boleh menyambung keanggotaannya.	(d) Rakan perniagaan syarikat (a) sehingga (c) di atas. <i>serta ketidaka mereka. Nisuh</i> (e) Mansuh. (f) Mansuh. (g) Mansuh. (h) Mansuh. (i) Mansuh. (j) Mansuh. (k) Mansuh. (l) Mansuh (2) Seseorang yang ingin menjadi anggota Koperasi ini mestilah— (a) warganegara Malaysia; (b) telah mencapai umur lapan belas tahun; (c) bermastautin atau mempunyai hartanah atau bekerja dalam kawasan operasi Koperasi ini; dan


UNDANG-UNDANG KECIL ASAL	PINDAAN UNDANG-UNDANG KECIL
Kelayakan Menjadi Anggota	Kelayakan Menjadi Anggota
11(2) (a) tiada (b) tiada (c) tiada (d) tiada 11(3) Seseorang yang ingin menjadi anggota Koperasi ini mestilah – (a) Warganegara Malaysia; (b) telah mencapai umur lapan belas tahun; (c) bermastautin atau mempunyai hartanah atau bekerja dalam kawasan operasi ini; dan (d) bukan seorang yang terhadapnya masih berkuatkuasa suatu sabitan bagi kesalahan yang boleh daftar, atau bankrap yang belum dilepaskan, atau pernah dibuang daripada keanggotaan mana-mana koperasi dalam tempoh satu tahun. Terhenti menjadi anggota 21(3) Tiada	11(2) (d) bukan seorang yang terhadapnya masih berkuatkuasa suatu sabitan bagi kesalahan yang boleh daftar, atau bankrap yang belum dilepaskan, atau pernah dibuang daripada keanggotaan mana-mana koperasi dalam tempoh satu tahun. 11(3) Mansuh Terhenti menjadi anggota 21(3) Pesara-pesara wajib yang menamatkan perkhidmatannya dengan syarikat, bekas syarikat Kumpulan Media Prima Berhad, Kumpulan The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad, Koperasi New Straits Times Press (Malaysia) Berhad dan rakan niaga syarikat-syarikat di atas boleh meneruskan keanggotaanya dalam Koperasi ini.

UNDANG-UNDANG KECIL ASAL	PINDAAN UNDANG-UNDANG KECIL
Jawatankuasa Audit Dalam 50. Menurut subsyeksen 42A(1) Akta, Jawatankuasa Audit Dalam Koperasi hendaklah mengandungi empat orang, terdiri daripada perwakilan yang dilantik oleh Lembaga menurut perenggan (g) Undang-undang 42.	Jawatankuasa Audit Dalam 50. Menurut subsyeksen 42A(1) Akta, Jawatankuasa Audit Dalam Koperasi hendaklah mengandungi lima orang, terdiri daripada perwakilan yang dilantik oleh Lembaga menurut perenggan (g) Undang-undang 42.

Diakui pindaan Undang-undang Kecil ini telah dibentangkan, dibincangkan dan diluluskan di dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke Empat Puluh Dua pada Dua Puluh Lapan haribulan Mei tahun Dua Ribu Sepuluh. .




 (M NASIR BIN RAMLI)
 Pengerusi.



 (MOHD AZLEE BIN ABDUL AZIZ)
 Anggota Lembaga.



 (MOHD FADZIL BIN ABDUL GHANI)
 Anggota Lembaga.



PERAKUAN PENDAFTARAN PINDAAN KEPADA UNDANG-UNDANG KECIL

Adalah dengan ini diperakukan bahawa pindaan undang-undang kecil

26(1) dan 26(2)(a)


KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD


telah didaftarkan di bawah

subseksyen 18(3) Akta Koperasi 1993.


Ditandatangani dan dimeteraikan pada hari ini

*31 haribulan **Disember** tahun **dua ribu tiga belas**.*


.....
(DATUK NIK ALI BIN MAT YUNUS)
Pengerusi Eksekutif
Suruhanjaya Koperasi Malaysia


.....
(ROZDEEN BIN MOHD JAAFAR)
Setiausaha
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

No. Daftar : 4369
Ruj: SKM.IP.(PEND)W-49



**PINDAAN UNDANG-UNDANG KECIL
KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD**

BIL.	UNDANG-UNDANG KECIL ASAL	UNDANG-UNDANG KECIL PINDAAN
1.	Pemilihan perwakilan dan urusan mesyuarat agung kawasan 26. (1) Bagi maksud seksyen 37 Akta, Lembaga boleh menentukan kawasan-kawasan mesyuarat dan memanggil satu mesyuarat agung di tiap-tiap kawasan untuk memilih perwakilan ke mesyuarat agung perwakilan. Setiap kawasan hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya lima puluh anggota. (2) Bilangan perwakilan yang dipilih bagi sesuatu kawasan hendaklah mengikut nisbah anggota seperti berikut: (a) setiap lima puluh orang anggota, seorang perwakilan;	Pemilihan perwakilan dan urusan mesyuarat agung kawasan 26. (1) Bagi maksud seksyen 37 Akta, Lembaga boleh menentukan kawasan mesyuarat dan memanggil satu mesyuarat agung di tiap-tiap kawasan untuk memilih perwakilan ke mesyuarat agung perwakilan. Setiap kawasan hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya empat puluh orang anggota. (2) Bilangan perwakilan yang dipilih bagi sesuatu kawasan hendaklah mengikut nisbah anggota seperti berikut: (a) bagi tiap-tiap empat puluh orang anggota, seorang perwakilan;

Diakui pindaan Undang-undang Kecil ini telah dibentang, dibincang dan diterima di dalam mesyuarat agung perwakilan Koperasi New Straits Times Press (Malaysia) Berhad pada **lima belas** haribulan **Jun** tahun **dua ribu tiga belas**.

.....
(Mohd Fadzil bin Abdul Ghani)
Pengerusi

.....
(Zulfakar bin Wahib)
Anggota Lembaga

.....
(Ahmad Shukran bin Mohamed Salleh)
Anggota Lembaga

Didaftarkan pada hari ini 31 haribulan Disember tahun 2013

(DATUK NIK ALI BIN MAT YUNUS)
Pengerusi Eksekutif
Suruhanjaya Koperasi Malaysia